



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan  
kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei  
Darussalam sahaja.**

### **PENOLONG KANAN PEGAWAI PELAJARAN (G.11) INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. PENOLONG KANAN PEGAWAI PELAJARAN  
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA  
G.11 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (HND) atau sebanding dalam bidang Bahasa Arab / Balaghah atau bidang yang bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam tangga gaji G.9 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- ii) a) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwah Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurang dalam tangga gaji G.9 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
  - b) Mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
2. Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan / Perguruan bagi mendapatkan seperti kursus Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh dilantik jawatan ini.
3. Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Tenaga pengajar dalam matapelajaran Bahasa Arab dan matapelajaran Balaghah di peringkat Menengah Bawah dan Atas;
2. Merancang, meneliti, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti Jabatan Bahasa Arab dan Balaghah;
3. Sebagai Penyelaras aktiviti-aktiviti Jabatan Bahasa Arab bersama pihak-pihak luar Institut;



4. Memastikan pelaksanaan kurikulum / sukatan pelajaran dilaksanakan dengan teratur;
5. Menyediakan Rancangan Mengajar tahunan dan harian; dan
6. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengetua dari semasa ke semasa.